

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Jumaat, 10 Mac 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Program Rahmah Ramadhan bantu B40

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	14



AFFENDI (dua dari kanan) menyantuni pembeli yang hadir ke Program Jualan Rahmah Pra-Ramadhan di Alor Setar, semalam.

Ayam, telur, beras, gula dijual pada harga patut

Program Rahmah Ramadhan bantu B40

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI

ALOR SETAR — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) negeri Kedah akan melaksanakan Program Rahmah sempena Ramadhan.

Pengarahnya, Affendi Rajini Kanth berkata, program tersebut disasarkan untuk membantu golongan B40 membeli keperluan berbuka puasa.

"Melalui program itu, pengguna berpeluang mendapatkan 16 jenis barangan yang ditawarkan pada harga berpatutan, antaranya telur, ayam mentah, gula, tepung dan beras.

"Perkara itu akan diumumkan

apabila tiba masanya nanti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Jualan Rahmah Pra-Ramadhan di Kompleks Belia Dan Sukan di sini semalam.

Dalam pada itu, Affendi memaklumkan, lebih 200 restoran akan menawarkan Menu Rahmah di Kedah menjelang Ramadhan pada 23 Mac ini.

Katanya, KPDN optimis angka itu mampu dicapai ketika jumlah restoran yang berbuat demikian ketika ini menghampiri sasaran awal, 150 buah.

"Menteri, Datuk Seri Salahudin Ayub kira-kira dua minggu

lalu ada mengumumkan, Kedah menyasarkan 150 restoran untuk menawarkan Menu Rahmah.

"Alhamdulillah, jumlah itu sudah hampir dicapai dan kami menjangkakan, ia akan meningkat kepada 200 restoran menjelang Ramadhan," katanya.

Selain itu, KPDN Kedah turut merancang untuk memperluaskan Menu Rahmah di Bazar Ramadhan di negeri berkenaan.

"Biasanya, Bazar Ramadhan disertai peniaga yang hanya menjalankan perniagaan di bulan puasa.

"Kami berharap dapat berbilang dan bekerjasama dengan mereka dalam hal ini," katanya.

Babi 'jinak' masuk Bandar Jerantut

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	17

Berkeliaran cari makan di restoran, ganggu keselesaan orang ramai

Babi 'jinak' masuk bandar Jerantut



Oleh HARIS FADILAH AHMAD

JERANTUT — Kewujudan sekumpulan babi 'jinak' di sekitar Bandar Baru Inderapura di sini, menarik perhatian penduduk dan orang ramai sehingga ada yang bertindak memberi makanan kepada haiwan berkenaan.

Seorang penduduk, Salim Ikmal Isa, 53, yang kerap melalui kawasan itu berkata, kehadiran kawanan haiwan liar itu dikesan sejak beberapa bulan lalu khususnya pada waktu tengah hari dan petang.

"Mungkin babi-babi ini datang dari hutan atas bukit berdekatan yang tiada makanan dan tidak ada tempat lain lagi untuk cari



BEBERAPA ekor babi berkeliaran di tepi jalan di Bandar Baru Inderapura, Jerantut baru-baru ini.

makan sehingga turun merayau di hadapan kedai makanan ini.

"Babi-babi ini berbeza apabila ia seolah-olah jinak dan tidak lari apabila didekati, malah tidak menyerang manusia," katanya

semalam.

Salim Ikmal berkata, kawanan babi lebih empat ekor itu mencari sisa makanan yang dibuang selain ada penduduk yang memberikan makanan.

Seorang pekerja swasta, Daniel Sim, 24, berkata, dia bimbang kawanan haiwan liar itu akan mengganggu keselesaan orang awam yang melalui kawasan itu dengan melintas jalan atau

mendekati premis makanan.

"Saya lihat babi ini tidak takut dengan orang ramai yang melalui kawasan ini dan tidak peduli walaupun dijerti sekuatnya oleh mereka yang lalu-lalang, babi itu tetap mencari sisa makanan.

"Kita berharap haiwan liar ini tidak masuk ke tengah bandar memandangkan terdapat banyak premis makanan yang boleh menimbulkan ketidakselesaan orang ramai," ujarnya.

Seorang penduduk, Mona Abdullah, 40, pula berkata, dia tidak terkejut haiwan liar seperti babi boleh masuk ke bandar kerana kawasan haiwan itu mencari makanan sudah tiada susulan banyak projek pembangunan perumahan.

Ujarnya, usaha menghalau haiwan liar itu ke habitat asal perlu dilakukan oleh pihak berwajib bagi memastikan Bandar Baru Inderapura dan bandar Jerantut bersih dan ceria, lebih-lebih lagi ia menjadi lokasi transit pelancong ke Taman Negara Kuala Tahan.

Bantah bina kilang makanan haiwan		
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	32

Bantah bina kilang makanan haiwan

Oleh ABD. RAZAK OSMAN
utusannews@gmail.com

TASEK GELUGOR: Penduduk di Kampung Baharu di sini melahirkan kebimbangan berhubung rancangan membina kilang makanan haiwan di tanah Lot 4457 yang didakwa berdekatan rumah penduduk.

Mereka mendesak pihak berkaitan termasuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak memberi kelulusan kepada projek tersebut yang dikhawatirkan menyebabkan pelbagai masalah kepada penduduk setempat.

Seorang penduduk, Azmi Man, 61, berkata, lot tanah

itu sebelum ini pernah dirancang untuk dibangunkan kilang kayu kira-kira 10 tahun lalu, namun tidak diteruskan ekoran bantahan penduduk.

Bagaimanapun kini, tiba-tiba dengan rancangan pembinaan kilang makanan haiwan dan mereka juga kekal membantah projek itu atas alasan gangguan kepada kesejahteraan penduduk.

Katanya, tanah di Lot 4457 itu langsung tidak sesuai untuk dibina kilang makanan haiwan kerana terletak berhampiran rumah milik keluarganya.

"Lagi pun tanah di kawasan ini adalah tanah pertanian se-

jak dahulu lagi dan bukan tanah perindustrian.

"Apabila wujud kilang makanan haiwan di kampung ini, banyak masalah bau busuk pasti berlaku lagi, sebelum ini penduduk sudah lama berdepan dengan masalah bau busuk najis khinzir dalam sungai," katanya.

Dia ditemui semalam ketika mengadakan bantahan aman bersama kira-kira 20 penduduk di tapak lot itu semalam.

Ketika bantahan aman itu, mereka turut membawa kain rentang. Mereka menggesa pihak berkenaan mencari tapak lain bagi pembinaan kilang tersebut.



PENDUDUK Kampung Baharu, Tasek Gelugor, Pulau Pinang mengadakan bantahan aman di tapak yang dicadangkan untuk pembinaan kilang makanan haiwan semalam.

Lagi kes demam babi Afrika

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Global	33

Lagi kes demam babi Afrika


Wabak itu kini direkodkan di 12 wilayah Filipina

MANILA

Kementerian Pertanian Filipina pada Rabu mengesahkan wabak demam babi Afrika di sebuah bandar di wilayah Cebu selepas rantau Asia Tenggara digemparkan dengan kesangkitan selesema burung, H5N1 ke atas manusia di Vietnam.

Biro Industri Haiwan di kementerian itu memaklumkan 58 daripada 149 sampel darah diambil dari bandar Carcar menunjukkan positif wabak itu yang tidak berbahaya kepada manusia, namun menular dengan cepat dalam kumpulan khinzir.

Kes terbaharu itu menjadikan senarai kes aktif demam babi Afrika kini direkodkan di 12 daripada lebih 80 wilayah.



Wabak itu tidak berbahaya kepada manusia, namun menular dengan cepat dalam kumpulan haiwan itu.

"Kesemua penternak khinzir dan pihak berkepentingan digalakkan untuk melaporkan sebarang kes kematian atau penyakit luar biasa kepada pejabat pertanian atau veterinar," ujar kementerian itu lagi.

Demam babi Afrika pertama kali dikesan di negara itu pada

2019 yang menyaksikan ribuan khinzir terpaksa dimusnahkan selain mengurangkan populasi domestik haiwan tersebut.

Langkah mengurangkan bekalan domestik mendorong Filipina untuk meningkatkan import, sekali gus menambah tekanan terhadap inflasi. - Agensi

Asia invaded by swine fever		
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Efa News	Online	

Cases are multiplying from Bhutan to Nepal, Malaysia, Korea, Singapore and Hong Kong



African swine fever invades Asia. The data comes from the official notification to the World Organization for Animal Health and attests that cases of African swine fever scattered in several areas are multiplying on the continent. The latest update on the situation of ASF in Asia is dated March 3 and reports that the first six cases were detected in the Kingdom of Bhutan in mid-February: the animals, all dead, were part of 58 pigs from a village in the Dagana district in the South Asian state. The origin of the virus is attributed to various factors: diet based on waste, fomites and illegal movements of animals. Also in South Asia, in Nepal to be precise, the death of over 2,800 pigs was reported at the end of February: the deaths allegedly

occurred in 12 farms in the Nepalese city of Bharatpur. The outbreaks have hit four municipalities in the city so far. The ASF virus was first detected in the Indonesian province of South Sulawesi. According to the FAO, nearly 600 pigs have been affected since the beginning of 2023: In addition, new cases have been reported in East Nusa Tenggara province. In West Malaysia, the number of commercial farms in Penang state affected by ASF has risen to 30: so far, more than 68,600 pigs in this state have been directly affected by the disease. Three new outbreaks have been confirmed since early March, all in districts where previous cases had been reported.

Furthermore, in the Philippines, new outbreaks of swine fever were reported by the Philippine news agency in the Central Visayas region: at the end of February, this source recorded the first cases of the disease in the province of Capiz. Blood samples taken from farmyard animals tested positive for the ASF virus: all pigs within 500 meters of the outbreak were culled, while provincial authorities raised awareness among local consumers and pig farmers about the threat of the disease. Meanwhile, the spread of the plague continues in the province of Iloilo in the western Visayas: on February 21, the agency reported that the virus has been detected in 104 communities in 17 of the 22 local government units in the province. As a result of this achievement, neighboring areas such as the province of Negros Occidental and the city of Bacalod in Western Visayas have added more zones to those from which imports of live pigs and pork products are prohibited.

According to the FAO, cases of ASF were also found in 13 provinces of Vietnam this year: however, the number of outbreaks in the country is well below that recorded at this time last year. In early February, the first cases of the plague were reported in Hong Kong since May 2022: the affected structure is a licensed farm in Sheung Shui district, in the New Territories. The outbreak involved 107 pigs, 62 of which were culled. No other outbreaks have been reported in Hong Kong so far, but other cases have been reported in wild boars in the Russian Far East, Singapore and South Korea. Singapore recorded the first case of ASF in wild boars a month ago: in the State in fact, there are no pig farms in Asia and the breeding of domestic pigs by citizens is not allowed.

Since South Korea first recorded swine fever in August 2021, the number of wild boars who tested positive for the virus has reached 2,890, according to a March 6 survey, 48 more than reported by the same source on 13 February. Infected animals have been found in four provinces. So far, 32 outbreaks have affected domestic pigs in South Korea, with the largest number of cases confirmed in mid-February. Japan also reports a new outbreak of classical swine fever: at the end of February, the Japanese veterinary authorities recorded a high mortality in a farm with about 3,000 pigs in the area of the city of Kasumigauri. In an epidemiologically linked farm in the town of Sosa, another 98 pigs were subjected to preventive culling. This brings the total number of confirmed swine fever outbreaks in the country to 86.